

**GAYA PENGAJARAN DELEGATOR GRASHA DALAM KALANGAN GURU-GURU BAHASA ARAB SEKOLAH KAFA DI DAERAH HULU LANGAT,  
SELANGOR.**

Abd.Aziz bin Ismail, Ph.D,  
shat5785@gmail.com  
IPG Kampus Pendidikan Islam.

Siti Maria binti Ibrahim,  
Pejabat Pendidikan JAIS, Hulu Langat, Selangor.

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengenalpasti gaya pengajaran yang diamalkan oleh para guru bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Daerah Hulu Langat, Selangor. Sebanyak 60 buah sekolah KAFA terlibat dan seramai 260 orang guru sebagai responden. Gaya pengajaran yang dikaji daripada guru adalah gaya pengajaran delegator. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berdasarkan gaya pengajaran Anthony F. Grasha. Rekabentuk kajian adalah menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Semua data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Science Social (SPSS) Version 16.0. Dapatkan kajian ini menunjukkan kebanyakan guru menggunakan gaya pengajaran delegator Grasha tanpa mereka sedari dalam setiap pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Pada kesemua item delegator yang diuji data yang diperolehi menunjukkan bacaan min yang tinggi iaitu antara 4.01 – 4.30. Di cadangkan pada kajian yang akan datang untuk para penyelidik melihat dari segi jantina mengenai pengajaran para guru KAFA.

Kata kunci: Gaya Grasha Delegator, gaya pengajaran, Guru KAFA, Guru Bahasa Arab.

*Abstract*

*This study aimed to identify the teaching style practiced by Arabic teachers in religious schools in Hulu Langat District, Selangor. A total of 60 KAFA schools were involved and 260 teachers were respondents. The teaching style studied from the teacher is the teaching style of the delegator. The instrument used was the questionnaire based on Anthony F. Grasha's teaching style. The design of the study was to use a descriptive survey method. All data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 23.0 computer software. The findings of this study show that most teachers use the Grasha delegation style of teaching without realizing it in every lesson they have in the classroom. Of all the items the delegator tested the data obtained showed a high mean reading of 4.01 - 4.30. It is suggested in an upcoming study for researchers to look at gender in relation to the teaching of KAFA teachers.*

**Keywords:** *Grasha Style Delegator, teaching style, KAFA Teacher, Arabic Language Teacher..*

Tugas guru-guru pada hari ini sangat mencabar dalam menghadapi pelbagai kerenahan dalam pengajaran di bilik darjah. Peranan para guru bukan sahaja dalam mendidik di dalam bilik darjah malahan ianya juga melibatkan pembentukan keperibadian murid untuk menjadi insan yang berketrampilan dan berakhhlak mulia. Selain dapat membantu pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah, guru juga perlu prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa pelajar (Juliawati, 2006). Melihat kepada proses pengajaran itu sendiri ianya adalah aktiviti-aktiviti yang bermatlamat dan mempunyai tujuan yang mana para pendidik berkongsi maklumat dengan pelajar bagi membolehkan mereka

menyempurnakan tugas yang tidak boleh disempurnakan sendiri sebelum itu (Shahabuddin et al., 2003).

Pencapaian yang rendah sering dikaitkan dengan pelajar berisiko dan secara langsung mereka ini tidak dapat mencapai manfaat serta matlamat program pendidikan yang diberikan kepada mereka (Solon Community School District. 2003). Kesinambungan ini, slot-slot pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan seharusnya diberikan penekanan yang sewajarnya untuk guru bertanggungjawab dalam menyusun setiap pengajaran agar iaanya dapat menarik minat para pelajar. Ini akan dapat mencapai maksud supaya semua maklumat dalam pengajaran dapat diberikan semaksimumnya.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Seperti yang diketahui umum, bahawa para guru sekolah-sekolah KAFA bukanlah mereka yang terlatih sepenuhnya dalam pengajaran seperti sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan. Mereka yang dipilih untuk mengajar hanya berkelulusan SPM bersandarkan pencapaian mata pelajaran agama dan temuduga oleh pejabat pendidikan. Manakala kemahiran untuk mengajar hanya berdasarkan kepada pengalaman guru-guru yang mengajar mereka dahulu. Justeru, di dalam kelas, guru ini akan bertindak sebagai pendidik, fasilitator atau pemudahcara mengikuti apa yang pernah dilalui mereka bersama guru. Semua pengalaman ini lah yang akan digunakan kembali oleh para guru KAFA ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Sanario ini inilah yang akan membawa pelbagai perbezaan gaya mengajar dalam kalangan guru-guru di semua sekolah KAFA. Grasha (1996), telah menghuraikan gaya pengajaran sebagai orientasi dan strategi yang digunakan oleh sesuatu institusi .

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut:

- i) Mengenalpasti gaya pengajaran dalam kalangan guru-guru Bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA.
- ii) Mengkaji gaya pengajaran delegator di kalangan guru-guru KAFA

### **PERSOALAN KAJIAN**

- i) Adakah terdapat gaya pengajaran Grasha dalam kalangan guru-guru Bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA di Daerah Hulu Langat, Selangor.
- ii) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran delegator Grasha di kalangan guru-guru Bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA di Daerah Hulu Langat, Selangor..
- iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah di Daerah Hulu Langat, Selangor.
- iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi memberi peranan semasa pengajaran dan pembelajaran
- v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi aktiviti kumpulan dengan seorang ketua
- vi) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi menggalakkan murid belajar berfikir
- vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi aktiviti mengembangkan idea dalam kelas.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis nol untuk kajian ini ialah:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi aktiviti kumpulan dengan seorang ketua
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi menggalakkan murid belajar berfikir
- Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi aktiviti mengembangkan idea dalam kelas.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk kajian ini adalah mengikut kuantitatif dengan kaedah tinjauan deskriptif, menggunakan borang soal selidik dan kaedah inferensi iaitu ujian-t. Menurut Mohd Najib (1999), kajian berbentuk deskriptif sangat sesuai digunakan dalam penyelidikan bermatlamat untuk menerangkan sesuatu masalah atau fenomena yang sedang berlaku. Kaedah ini sangat sesuai dalam kajian terhadap gaya guru KAFA kerana boleh mendapat banyak maklumat dalam masa yang singkat. Selain daripada itu, pengumpulan data melalui cara ini adalah lebih terkawal dari segi mutu data yang diperolehi serta data tersebut mudah diproses (Ahmad Mahdzan, 1995). Sampel kajian terdiri daripada 260 orang guru-guru KAFA Bahasa Arab yang mengajar di dalam Daerah Hulu Langat, Selangor.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai alat bagi mendapatkan maklumbalas dan pengumpulan data. Instrumen yang digunakan merangkumi dua bahagian dimana Bahagian A adalah soalan-soalan berkaitan dengan demografi responden dan Bahagian b adalah item-item kajian berdasarkan objektif kajian.

### **Dapatan Kajian Demografi**

Dapatan dibentangkan berdasarkan data yang telah dikumpulkan melalui kaedah tinjauan. Data ini diperolehi daripada analisis soal selidik yang telah dijawab oleh seramai 260 orang responden. Berikut adalah data terperinci kajian ini yang telah dianalisis.

## Jadual 1

### *Analisis Latar Belakang Responden*

Jadual 1 Taburan Responden Mengikut Jantina		
Jantina	Jumlah Responden	Peratusan
Lelaki	71	27.3 %
Perempuan	189	72.7 %
Jumlah	260	100 %

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina bilangan guru-guru bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA dalam Daerah Hulu Langat mengikut jantina. Terdapat seramai 189 orang guru perempuan yang mewakili 72.7%. Manakala guru pelatih lelaki berjumlah 71 orang atau 27.3 % daripada jumlah keseluruhan sempel. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada guru-guru bahasa Arab perempuan.

## Jadual 2

### *Responden Mengikut Lokasi*

Lokasi	Jumlah Sekolah	Peratus%
Bandar	41	68.33 %
Luar Bandar	19	31.67 %
Jumlah	60	100 %

Jadual 2 menunjukkan taburan sekolah mengikut lokasi sekolah antara bandar dan luar bandar. Dalam kajian ini terdapat sejumlah 41 buah sekolah dari bandar atau 68.33%. Manakala jumlah sekolah luar bandar diwakili oleh 19 buah sekolah atau 31.67%. Ini menunjukkan bahawa majoriti sekolah adalah terdiri daripada lokasi bandar.

## Dapatan bagi Soalan 1

### **(Adakah terdapat gaya pengajaran Grasha dalam kalangan guru-guru Bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA di Daerah Hulu Langat, Selangor)**

Melihat kepada semua ujian-t terhadap lokasi antara sekolah yang dilakukan terhadap item-item gaya pengajaran Grasha delegator seperti item menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah, memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran, aktiviti kumpulan dengan seorang ketua, menggalakkan murid belajar berfikir dan aktiviti mengembangkan idea dalam kelas menunjukkan terdapat kehadiran min yang sangat ketara dalam item-item tersebut di kalangan responden pada tahap min yang tinggi iaitu antara (4.01 - 4.30).

## Dapatan bagi Soalan 2

### **(Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran delegator Grasha di kalangan guru-guru Bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA di Daerah Hulu Langat, Selangor.)**

Merujuk kepada semua ujian-t yang dilakukan terhadap item-item gaya pengajaran Grasha delegator menunjukkan terdapat perbezaan dalam semua item gaya pengajaran delegator di

kalangan guru-guru bahasa Arab sekolah KAFA. Misalnya dalam item menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah, memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran, aktiviti kumpulan dengan seorang ketua, menggalakkan murid belajar berfikir dan aktiviti mengembangkan idea dalam kelas, kesemuanya menunjukkan perbezaan min yang ketara antara item gaya pengajaran Grasha. Min bagi lokasi sekolah menunjukkan pada tahap yang tinggi iaitu antara (3.68-5.00)

### **Dapatkan bagi Soalan Hipotesis 1**

Ho1:Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah.

Ujian-t Terhadap Gaya Pengajaran Delegator Berdasarkan Lokasi

Hasil Ujian-t lokasi sekolah dengan gaya pengajaran guru-guru bahasa Arab dari segi menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah

Jadual 3

*Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Berdasarkan Menjadi Rujukan Murid Yang Menghadapi Masalah*

	Lokasi sekolah	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah	Bandar	186	4.23	.904	1.634	.202
	Luar Bandar	74	4.30	.697		

\*Tahap Signifikan P<0.05

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 3 melalui nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah nilai t = 1.634 dan tahap signifikan ialah .202. Tahap signifikan adalah lebih besar dari 0.05 (p>0.05). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan guru menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah. Item ini tidak bersandarkan kepada lokasi sekolah. Min bagi kedua lokasi sekolah menunjukkan pada tahap yang tinggi (3.68-5.00) dan terdapat perbezaan min antara lokasi bagi guru menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah. Dapat dilihat perbezaan min di mana sekolah di bandar minnya 4.23 manakala sekolah luar bandar minnya 4.30. Ini menunjukkan guru KAFA Integrasi luar bandar lebih banyak menjadi rujukan apabila murid menghadapi masalah dan memerlukan bantuan.

### **Dapatkan bagi Soalan Hipotesis 2**

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran

Hasil Ujian-t terhadap lokasi sekolah dengan gaya pengajaran guru-guru bahasa Arab dari segi memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4

*Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Dari Segi Memberi Murid Peranan Semasa PdP.*

	Lokasi sekolah	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Memberi murid peranan semasa P&P	Bandar	186	4.16	.870	3.691	.056
	Luar Bandar	74	4.16	.663		

\*Tahap Signifikan  $P<0.05$

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 4 didapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran dengan nilai  $t = 3.691$  dan tahap signifikan ialah .056. Tahap signifikan adalah lebih besar dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran. Maksudnya item ini tidak bersandarkan kepada lokasi sekolah sama ada bandar dan luar bandar. Min bagi kedua lokasi sekolah menunjukkan pada tahap yang tinggi (3.68-5.00) dan tidak terdapat perbezaan min antara sekolah KAFA Integrasi bandar dan KAFA Integrasi luar bandar masing-masing mempunyai nilai min yang sama 4.16. Ini jelas menunjukkan guru yang mengajar di kedua lokasi memberikan murid mereka peranan semasa pengajaran dan pembelajaran di kelas.

### Dapatkan bagi Soalan Hipotesis 3

$H_03$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi aktiviti kumpulan dengan seorang ketua

Hasil Ujian-t terhadap lokasi sekolah dengan gaya pengajaran guru-guru bahasa Arab dari segi aktiviti kumpulan dengan seorang ketua.

Jadual 5

*Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Berdasarkan Aktiviti Kumpulan Dengan Seorang Ketua.*

	Lokasi sekolah	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Aktiviti kumpulan dengan seorang ketua	Bandar	186	4.06	.829	2.550	.112
	Luar Bandar	74	4.11	.632		

\*Tahap Signifikan  $P<0.05$

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 5 di dapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi aktiviti kumpulan dengan seorang ketua dengan nilai  $t = 2.550$  dan tahap signifikan ialah .112. Tahap signifikan adalah sedikit besar dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan aktiviti kumpulan dengan seorang ketua. Item ini tidak bersandarkan kepada lokasi sekolah. Min bagi kedua lokasi sekolah menunjukkan pada tahap yang tinggi (3.68-5.00), manakala jika dilihat dari segi min menunjukkan perbezaan dari segi aktiviti kumpulan dengan seorang ketua. Min bagi Sekolah KAFA Integrasi bandar adalah 4.06 dan min bagi sekolah luar bandar adalah 4.11. Ini jelas menunjukkan guru-guru di sekolah KAFA Integrasi luar bandar sering mengadakan

aktiviti berkumpulan bagi menggalakkan kerjasama dan saling membantu di antara mereka dengan bimbingan seorang ketua.

#### **Dapatan bagi Soalan Hipotesis 4**

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi menggalakkan murid belajar berfikir  
 Hasil Ujian-t terhadap lokasi sekolah dengan gaya pengajaran guru-guru bahasa Arab dari segi menggalakkan murid belajar berfikir.

Jadual 6

*Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Berdasarkan Menggalakkan Murid Berfikir.*

	Lokasi sekolah	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Menggalakkan murid berfikir	Bandar	186	4.01	.872	.494	.483
	Luar Bandar	74	4.20	.702		

\*Tahap Signifikan P<0.05

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 6 di dapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi menggalakkan murid belajar berfikir dengan nilai t = .494 dan tahap signifikan ialah .483. Tahap signifikan adalah lebih besar dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan menggalakkan murid berfikir. Maksudnya item ini tidak bersandarkan kepada lokasi sekolah. Min bagi kedua lokasi sekolah menunjukkan pada tahap yang tinggi (3.68-5.00) dan terdapat perbezaan min yang besar antara sekolah KAFA Integrasi di bandar minnya 4.01 dan sekolah KAFA Integrasi di luar bandar nilai minnya 4.20. Ini jelas bahawa guru-guru yang berada di lokasi luar bandar lebih banyak menggalakkan murid berfikir.

#### **Dapatan bagi Soalan Hipotesis 5**

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pengajaran delegator Grasha antara lokasi dari segi aktiviti mengembangkan idea dalam kelas.

Hasil Ujian-t terhadap lokasi sekolah dengan gaya pengajaran guru-guru bahasa Arab dari segi aktiviti mengembangkan idea dalam kelas.

Jadual 7

*Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Dari Segi Aktiviti Mengembangkan Idea Dalam Kelas.*

	Lokasi sekolah	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig

Aktiviti mengembangkan idea dalam kelas	Bandar	186	4.05	.901	1.472	.226
	Luar Bandar	74	4.09	.686		

\*Tahap Signifikan P<0.05

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 7 di dapat nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi aktiviti mengembangkan idea dalam kelas dengan nilai  $t = 1.472$  dan tahap signifikan ialah .226. Tahap signifikan adalah melebihi besar dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan aktiviti mengembangkan idea dalam kelas oleh guru. Maksudnya item ini tidak bersandarkan kepada lokasi sekolah sama ada bandar atau luar bandar. Min bagi kedua lokasi sekolah menunjukkan pada tahap yang tinggi (3.68-5.00) dan terdapat perbezaan min antara lokasi bagi aktiviti mengembangkan idea dalam kelas. Di mana min bagi sekolah KAFA Integrasi bandar adalah 4.05 dan min bagi sekolah KAFA Integrasi di luar bandar ialah 4.09. Ini menunjukkan guru-guru luar bandar lebih banyak melaksanakan aktiviti pengajaran bercorak mengembangkan idea kepada murid-murid dalam kelas.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan keseluruhan analisis dilakukan melalui ujian-t terhadap item-item gaya pengajaran Grasha delegator seperti item menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah, memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran, aktiviti kumpulan dengan seorang ketua, menggalakkan murid belajar berfikir dan aktiviti mengembangkan idea dalam kelas, memperlihatkan tahap signifikan adalah melebihi dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan kesemua item gaya pengajaran delegator Grasha.

Walaupun demikian dapatkan min yang diperolehi menunjukkan gaya pengajaran delegator Grasha di aplikasi di kalangan guru-guru sekolah KAFA di dalam Daerah Hulu Langat, Selangor sangat ketara. Kita sedia maklum dan ketahui bahawa hamper keseluruhan para guru sekolah KAFA ini tidak mengikuti apa-apa latihan perguruan seperti rakan-rakan mereka di sekolah aliran perdana atau bantuan penuh kerajaan. Namun apa yang patut dibanggakan hasil daripada kajian ini ialah mereka juga secara tidak sedar mengamalkan gaya pengajaran delegator Grasha. Pada keseluruhannya min gaya pengajaran delegator Grasha dari segi lokasi menunjukkan min pada tahap yang tinggi (4.01 - 4.30). Dapatkan yang diperolehi ini akhirnya penting sebagai rujukan menyelesaikan masalah yang timbul pada guru KAFA yang akan melakukan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kelak. Malahan dapatan kajian ini juga dapat digunakan untuk melakukan penambahbaikan dalam pelaksanaan pengajaran guru di masa depan

### **CADANGAN**

Berdasarkan perbincangan dan rumusan yang telah dibuat daripada kajian ini, maka beberapa syor dan cadangan yang boleh membantu untuk memantapkan lagi pengajaran guru KAFA diberikan. Berikut adalah beberapa strategi bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru KAFA bersesuaian dengan murid-murid yang berbeza tahap kognitifnya.

- i. Mewujudkan hubungan dua hala yang baik di antara guru dan pelajar iaitu hubungan yang serasi maka guru-guru akan lebih berkeyakinan untuk mengajar.
- ii. Guru hendaklah mempelajari pelbagai gaya pengajaran dan tidak hanya mengetahui satu gaya sahaja agar proses pembelajaran berlangsung dengan lebih berkesan.

- ii. Penekanan dan tumpuan dengan penggunaan multimedia atau pun penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru.
- iii. Gaya pengajaran berpusatkan pelajar seperti gaya pengajaran fasilitator dan delegator Grasha harus ditingkatkan agar proses pembelajaran berlangsung dengan lebih berkesan dan bersifat interaksi dua hala.
- iv. Pihak pentadbiran sekolah-sekolah KAFA haruslah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dan kolaborasi dengan pusat latihan perguruan untuk meningkatkan tahap profesionalisme para guru KAFA.

## KESIMPULAN

Hasil daripada analisis 5 item gaya pengajaran delegator Grasha seperti menjadi rujukan murid yang menghadapi masalah, memberi murid peranan semasa pengajaran dan pembelajaran, aktiviti kumpulan dengan seorang ketua, menggalakkan murid belajar berfikir dan aktiviti mengembangkan idea dalam kelas dengan menggunakan Ujian-t terhadap pembolehubah tetap, iaitu lokasi, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan aras 0.05. Dapatkan keseluruhan skor min walau bagaimana pun berada pada tahap yang tinggi antara (3.68-5.00). Dapatkan ini juga membuktikan bahawa pelaksanaan gaya pengajaran delegator Grasha di semua sekolah-sekolah KAFA di Daerah Hulu Langat, Selangor memang memberikan manfaat dan sokongan terhadap penambahbaikan dalam pengajaran guru-guru bahasa Arab di sekolah dan juga peningkatan profesionalisme mereka.

Hasil dari kajian ini juga diharapkan bukan sahaja telah memberi gambaran tentang gaya pengajaran guru-guru KAFA malahan ianya juga telah mendedahkan secara tidak langsung mengenai gaya pengajaran delegator Grasha yang diamalkan di sekolah seluruh Daerah Hulu Langat, Selangor. Penyelidik berharap para guru sekolah KAFA agar dapat memantapkan lagi usaha menguasai pelbagai gaya pengajaran dan pembelajaran supaya dapat bergerak selari dengan arus perkembangan pendidikan negara.

## Rujukan

- Ahmad Mahdzan Ayob (1995). Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anthony F. (1996). Teaching with Styles, a Practical Guide to Enhancing Learning by Understanding Teaching and Learning Styles. Pittsburgh: Alliance Publishers.
- Babbie,E.(2005). The basics of social research (Third edition). California: Wadsworth,Inc.
- Beneett, N., Jordon, J. long, G & wade, B. (1976). *Teaching style and pupil progress*. London : Open Book Publishing Limited.
- Bibace R., Catlin, R.j Quirk, M.E, Beattie, K.A.& Slabaugh. R.C. (1981). *Teaching styles in the faculty resident relationship*. journal of Family Practice. 13 (6): 895-900 (atas talian) <http://searchglobal.epnet.com> (12 April 2014).
- Brookfield, S. (2005) *Becoming a critically reflective teacher*. Jossey-Bass: San Francisco.
- Dunn, R. S.& Dunn, K.J (1979). Learning style / teaching style: Should they...can they... Be matched? *Educational Leadership*. 36(4): 233-244.
- Juliawati Ibrahim (2006). Gaya pengajaran guru bahasa daerah Hulu Langat: Satu kajian tinjauan.. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Kertas Projek Sarjana Pendidikan
- Khalid Mohd. Nor ( 1993 ). Kaedah Pembelajaran Berkesan . Kuala Lumpur : Cahaya Pantai ( M ) Sdn. Bhd.
- Mazni Sulaiman (1996). Hubungan Ciri Personaliti dan Gaya Pengajaran guru pelatih 5 kursus diploma pendidikan Malaysia di maktab perguruan raja melewar, seremban mengikut jantina, umur, kelulusan asas dan etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.Tesis Sarjana.

- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Olivia, F. P. (1987). Developing the Curriculum. USA: Scott, Foresman and Company.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)*. (2013). Kementerian Pendidikan Malaysia. Putra Jaya
- Portner (2007). “*Program that focus mainly on teaching behavior*”. *Training College (NTTC) introduced the Distance Teacher Education*. Journal of Education.
- Raph W. Tyler. (1993). *Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran*. Terj. Kamaruddin Hussin & Hazil Abdul Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahabudin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2003). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Sharifah Alwiahal Sagoff. 1986. Ilmu Pendidikan Pedagogi. Kuala Lumpur. Heinermann Asia.
- Wade, B. (1976). *Teaching style and pupil progress*. London: Open Book Publishing Limited.
- Wright, T, (1987). *The role of teachers and teachers*. ELBS with Oxford University Press: Hong Kong.